

Kor Suksis UMS curah bakti bersama penduduk Kampung Kuala

UB 2.3.2016 Ab

PAPAR: Pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa-siswi (Suksis) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencurah bakti dengan melaksanakan program bakti dan komuniti kepolisan bersama penduduk Kampung Kuala, di sini baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu melibatkan seramai 120 pelatih Kor Suksis Siri 1/2013 dan Siri 1/2014 UMS serta tujuh jurulatih Kor Suksis UMS.


Program itu antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang sumbangan yang boleh diberikan oleh siswa-siswi universiti kepada komuniti setempat, di samping menerapkan kemahiran insaniah kepada para pelatih

serta membentuk kerjasama yang tinggi dalam kalangan peserta.

Program itu menyaksikan para pelatih mengadakan aktiviti gotong royong perdana bersama komuniti, sukaneka dan sukan rakyat,

program motivasi bersama pelajar UPSR, PT3, SPM dan STPM, pameran pencegahan jenayah, pemeriksaan kesihatan percuma dari Unit Kesihatan Papar, dan latihan asas taekwondo dari Ibu Pejabat Polis Daerah Papar.

Pasukan Sukarelawan Kor Suksis juga mendapat sokongan daripada organisasi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kampung Kuala Papar, Jabatan Pencegah Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Ibu Pejabat Daerah



PASUKAN Kor Suksis UMS bersama pegawai polis dan komuniti Kampung Kuala, Papar.



GOTONG royong perdana Pasukan Kor Suksis UMS bersama penduduk Kampung Kuala, Papar.

Papar, serta komuniti kampung yang turut bersama-sama terlibat sepanjang program itu berjalan.

Atas sikap prihatin masyarakat terutamanya

komuniti luar bandar dalam program bakti bersama siswa-siswi universiti, program sebegini dijangka akan diteruskan dan dipanjangkan ke kawasan luar bandar lain

sebagai menyokong usaha mewujudkan perpaduan nasional yang mampan dalam kalangan pelajar universiti melalui jalinan erat antara pelatih dan masyarakat.